



KUALA LUMPUR BUSINESS SCHOOL

Training Provider No: 1340



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD

PROGRAM DI BAWAH SBL-KHAS

Bengkel 3 Hari

# PEMBUDAYAAN KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN

Code Program: (1210/4858)

## Tahukah Anda...

- Hampir 95% pekerja yang ada di dunia ini tidak berpengetahuan dan tidak tahu jalan yang perlu dilalui untuk berjaya.
- Manusia sememangnya dilahirkan dengan pelbagai elemen negatif. Terpulanglah kepada manusia tersebut untuk mengubah dan membuang segala elemen tersebut.
- Tidak ada manusia yang malas, tetapi mereka hanya kurang rangsangan.
- Ramai orang mahu berjaya dan cemerlang, malangnya mereka dikelilingi oleh kelompok yang tidak cemerlang.
- Visi dan misi organisasi adalah sesuatu yang perlu dikongsi dan dihayati oleh semua golongan dalam organisasi, malangnya ini jarang berlaku.
- Orang yang tidak mempunyai matlamat dalam kehidupan samalah seperti orang yang sudah mati tetapi belum disemadikan di tanah perkuburan.

## OBJEKTIF

- Mengenalpasti maksud perkataan kecemerlangan dan bagaimana ianya digunakan dalam konteks pekerjaan.
- Mengenalpasti punca yang menyebabkan seseorang itu tidak cemerlang dan kaedah mengatasinya.
- Bagaimana membangunkan perisai diri agar sentiasa selamat daripada dipengaruhi oleh kelompok perosak minda.
- Bagaimana merintis dan memulakan perjalanan ke arah menjadi seorang kakitangan yang cemerlang dan dihargai.

## KUMPULAN SASARAN

Staff Pelbagai Peringkat



## STRUKTUR PROGRAM

### Pengenalan & Pemahaman Visi & Misi Organisasi

- Visi, misi & matlamat organisasi
- Kepentingan pernyataan visi, misi & matlamat
- Faktor mempengaruhi pencapaian visi, misi & matlamat

### Peranan Modal Insan Kepada Kejayaan & Kecemerlangan

- Jenis & kumpulan modal insan di dalam sesebuah organisasi & peranannya.
- Gelagat manusia & kumpulan di dalam organisasi
- Pengaruh & kuasa di dalam organisasi
- Jenis kumpulan yang diperlukan untuk menyumbang kepada pembangunan organisasi.

### Dilema Pengurusan & Kakitangan Untuk Berjaya

- Maksud kejayaan & kecemerlangan organisasi
- Kenapa wujud konflik & pergeseran di dalam organisasi
- Mengetahui sumber kejayaan & kecemerlangan
- Mengetahui sumber konflik & pergeseran
- Kenapa kejayaan sukar dicapai & konflik sukar dibendung

### Ciri-Ciri Organisasi Cemerlang

- Kelemahan & kelebihan organisasi
- Halangan kepada kemajuan
- Kaedah pembetulan yang perlu dilakukan

### Saya Pekerja Yang Cemerlang?

- Ciri-ciri kecemerlangan diri yang ada
- Faktor yang menghalang kepada kecemerlangan & kejayaan.
- Sifat-sifat semula jadi yang menghalang kejayaan & kecemerlangan
- Langkah yang perlu diambil untuk berjaya & cemerlang

### Lain-lain Topik:

**Langkah Menjadi Kakitangan Berjaya & Cemerlang  
Saya Sebagai Insan Cemerlang Di Masa Hadapan**



## PENCERAMAH

**Dato' Dr. Sudin Haron** merupakan seorang cendekiawan bertaraf antarabangsa yang tersohor di bidang perniagaan dan pengurusan, kewangan dan perbankan. Beliau adalah Presiden Kuala Lumpur Business School dan merupakan salah seorang ahli Lembaga Pengarah Melati Ehsan Bhd iaitu sebuah syarikat awan yang disenarai di Bursa Kuala Lumpur. Beliau pernah bertugas di Bank Negara Malaysia sebagai pakar di bidang kewangan dan perbankan Islam pada tahun 2005-2006. Beliau juga bekas Timbalan Ketua Eksekutif, INCIEF (International centre for Education in Islamic Finance). Sebelum ke BNM, Dato' Dr. Sudin merupakan an profesor kewangan di Universiti Utara Malaysia. Sebelum menjadi ahli akademik, Dato' Dr. Sudin bertugas di salah sebuah bank perdagangan tempatan dan jawatan terakhirnya sebagai pengurus cawangan.

**Zainal Abidin Yahya** merupakan jurulatih professional dan diiktiraf sebagai Certified Professional Trainer dan Certified Professional Entrepreneur oleh Institut Pengurusan Malaysia. Beliau juga mendapat pengiktirafan daripada Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Bidang kepakaran En. Zainal adalah perbankan dan kewangan terutamanya di sektor pertanian, pemasaran, kejurujualan dan perkhidmatan pelanggan, pembangunan keusahawanan, pengurusan dan gelagat organisasi. Beliau berkelulusan dari dalam dan luar negara.

### Penceramah Jemputan

**Dato' Raduan Hj. Md Taib** bertugas selama 11 tahun di sektor perbankan dan kemudiannya bertukar haluan ke dunia korporat pada tahun 1987. Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi dan kemudiannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kepada salah sebuah syarikat pembangunan hartanah terkemuka di Malaysia. Beliau pernah menjadi Naib Presiden Persatuan Pemaju Hartanah Malaysia. Dato' Raduan juga terlibat secara aktif di dalam pembangunan keusahawanan di mana beliau pernah menjawat jawatan Presiden Dewan Perniagaan Melayu, Selangor, Naib Presiden DPMM Pusat dan AJK Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia. Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Asian Institute of Management, Manila.

## Tentang Kuala Lumpur Business School

Kuala Lumpur Business School atau lebih dikenali sebagai KLBS ditubuhkan untuk membangun dan memajukan kecemerlangan kepimpinan pengurusan dan keusahawanan. KLBS komited secara berterusan sebagai intitusi pemberi latihan bertaraf antarabangsa yang berdedikasi dan bersemangat tinggi di dalam penyediaan latihan dan perundingan kepada pelanggannya. Kami percaya dengan latihan berterusan, penambahbaikan kepakaran dan pembangunan tenaga kerja merupakan proses penting di dalam menghadapi persaingan hebat dan ekonomi berasaskan pengetahuan.

KLBS mempunyai visi yang jelas iaitu "Mengwujudkan Pemimpin Dinamik". Misi kami adalah sebagai penyumbang terkehadapan kepada kemajuan dan peningkatan pengetahuan dan pembangunan kepimpinan sejajar dengan nilai kami tetapi berdayafikir antarabangsa. KLBS sentiasa memartabatkan konsep kepimpinan dengan nilai kebijaksanaan dan keperibadian yang unggul.

Hubungi kami: Kuala Lumpur Business School, Suite 4-4-1, Jalan 4/50, Diamond Square Commercial Centre,  
Off Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur.  
Telephone: 03 4024 6011/ 014 620 6611 Fax: 03 4023 7011  
Website: [www.klbs.com.my](http://www.klbs.com.my) Email: [training@klbs.com.my](mailto:training@klbs.com.my)